

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**CABARAN DAN STRATEGI KEJAYAAN PENIAGA ORANG
ASLI DI NEGERI PERAK, MALAYSIA**

LAVANYA A/P PONNUSAMY

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDI

KRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan strategi kejayaan peniaga Orang Asli Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk mengumpul data melalui temu bual dan pemerhatian. Kaedah persampelan bertujuan yang digunakan terdiri daripada peniaga-peniaga Orang Asli di daerah Perak Tengah, Perak. Analisis kandungan dan perbandingan berterusan telah digunakan. Hasil kajian mendapati cabaran-cabaran yang dihadapi peniaga Orang Asli termasuk kekurangan modal, amalan membeli barang secara berhutang, masalah logistik, kemudahan infrastruktur, peluang pekerjaan serta tanggapan rendah masyarakat terhadap Orang Asli walaupun pelbagai strategi perniagaan telah digunakan. Kajian ini mencadangkan program JAKOA dan badan kerajaan lain terus menjalankan program motivasi, seminar dan latihan untuk meningkatkan ilmu kemahiran peniaga-peniaga Orang Asli dalam bidang perniagaan yang dipilih.



CHALLENGES AND SUCCESSFUL STRATEGIES OF ORANG ASLI BUSINESSMEN IN PERAK STATE, MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to identify the challenges and successful strategies of Orang Asli businessmen in Malaysia. The study used qualitative research methods to collect data through interviews and observations. Purposive sampling method used consisted of Orang Asli businessmen in Perak Tengah District, Perak. Content analysis and constant comparison analysis was used. The results showed that the challenges faced by Orang Asli businessmen include lack of capital, the practice of buying goods on credit, logistic problems, infrastructure, employment opportunities and low response to Orang Asli communities despite various business strategies used. This study suggests that JAKOA and other government bodies should continue to run motivational seminars and training programmes to enhance the skills of Orang Asli businessmen in the business areas selected.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
 BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Orang Asli	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kerangka Konseptual	7
1.7 Kepentingan Kajian	8

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
1.8 Batasan Kajian		9
1.9 Definisi Operasi		9
1.9.1 Sosioekonomi		10
1.9.2 Orang Asli		10
1.9.3 Perniagaan		10
1.9.4 Bantuan Kerajaan		11
1.10 Rumusan		11

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	12
2.2 Suku Kaum Orang Asli	13
2.3 Kaum Negrito	16
2.3.1 Kintak	16
2.3.2 Kensiu	17
2.3.3 Jahai	17
2.3.4 Menriq	18
2.3.5 Lanoh	18
2.3.6 Bateq	18
2.4 Kaum Senoi	19
2.4.1 Temiar	19
2.4.2 Semoq Beri	19
2.4.3 Che Wong	20
2.4.4 Jahut	20

2.4.5	Semai	20
2.4.6	Mah Meri	21
2.5	Kaum Melayu Proto	22
2.5.1	Temuan	22
2.5.2	Semalai	22
2.5.3	Kuala	20
2.5.4	Kanaq	23
2.5.5	Selatar	23
2.5.6	Jakun	24
2.6	Penempatan Orang Asli	24
2.7	Sosiobudaya Orang Asli	25
2.8	Pembanggungan Perniagaan di Malaysia	26
2.8.1	Pendekatan Ekonomi	28
2.8.2	Pendekatan Sosiologi	29
2.9	Perkembangan perniagaan Orang Asli di Negara Lain	29
2.9.1	Perniagaan dan Tahap Sosiodokonomi di Australia	30
2.9.2	Perniagaan dan Tahap Sosioekonomi di Mexico	31
2.10	Strategi Perniagaan	32
2.10.1	Strategi Kepimpinan Kos (Cost Leadership Strategy)	33
2.10.2	Strategi Pembezaan (Differentiation Strategy)	33
2.10.3	Strategi Fokus dalam Kepimpinan Kos (Focused Cost Leadership Strategy)	33

2.10.4 Strategi Fokus Dalam Pembezaan (Focused Differentiation Strategy)	34
2.10.5 Strategi ‘Prospector’	34
2.10.6 Strategi ‘Analyzer’	35
2.10.7 Strategi ‘Defender’	35
2.10.8 Strategi ‘Reactor’	36
2.11 Masalah Sosioekonomi dan Perniagaan Orang Asli	36
2.11.1 Masalah Kewangan	38
2.11.2 Masalah Tanah	38
2.11.3 Masalah Pendidikan	40
2.11.4 Peluang Perniagaan	40
2.11.5 Masalah Kemudahan Infrastruktur	41
2.11.6 Masalah Logistik	41
2.11.7 Pandangan Masyarakat Terhadap Orang Asli	42
2.12 Dasar Pembangunan Masyarakat Orang Asli	43
2.13 Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	44
2.14 Program-Program Pembangunan Orang Asli	48
2.15 Program Penempatan Tersusun	50
2.15.1 Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)	50
2.15.2 Penyusunan Semula Kampung (PSK)	51
2.15.3 Rancangan Kampung Baru (RKB)	51
2.15.4 Projek Bencana Alam	52

2.14.5	Ukur Keliling Tanah Penempatan Orang Asli (Kampung) / Pengambilan Tanah	53
2.16	Program Pembagunan dan Perniagaan	53
2.16.1	Pembangunan Ekonomi Negeri	53
2.16.2	Bimbangan Keusahawanan	53
2.16.3	Pembinaan Ruang Niaga	54
2.16.4	Pelancongan Desa	55
2.17	Rumusan	55

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk	57
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	61
3.4	Lokasi Kajian	62
3.5	Instrumen Kajian	64
3.6	Peranan Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian	65
3.6.1	Meminta Kebenaran (Informed Consent)	66
3.6.2	Humanistik	66
3.6.3	Kejujuran	67
3.6.4	Plagiarisme	67
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	68
3.7.1	Temu Bual	68
3.7.2	Pemerhatian	68
3.8	Kaedah Penganalisisan Data	71

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
------------------------------------	------------------------------------	------------------------------------

3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan

3.10 Kajian Rintis	73
3.11 Rumusan	74

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	75
4.2 Profil Responden	76
4.3 Jenis-Jenis Perniagaan	81
4.4 Jenis-Jenis Bantuan	82
4.5 Masalah yang dihadapi oleh Masyarakat Orang Asli	83
4.5.1 Kekurangan Modal	84
4.5.2 Amalan Membeli Barang Secara Hutang	85
4.5.3 Persaingan	86
4.5.4 Bekalan Barang Tidak Terus Dari Kilang	87
4.5.5 Pendidikan	87
4.5.6 Pekerjaan	88
4.6 Strategi Perniagaan yang digunakan Untuk Menghadapi Masalah	89
4.6.1 Strategi Kepimpinan Kos (Cost Leadership Strategi)	89
4.6.2 Strategi Pembezaan	90
4.6.3 Strategi Fokus dalam Kepimpinan Kos	91
4.6.4 Strategi Fokus dalam Pembezaan	92

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
------------------------------------	------------------------------------	------------------------------------

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	4.6.5 Berusaha untuk Mengumpul Dana	92
	4.6.6 Harapan Peniaga Asli	93
4.7	Rancangan Masa Depan Peniaga Orang Asli	94
4.8	Kejayaan Peniaga Orang Asli	97
4.9	Bantuan Kerajaan	98
4.10	Pandangan Peniaga Orang Asli Terhadap Masyarakat Orang Asli	99
4.11	Rumusan	103
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	102
5.2	Perbincangan	103
5.2.1	Jenis-Jenis Perniagaan	103
5.2.2	Masalah yang dihadapi oleh Masyarakat Orang Asli	104
5.2.3	Strategi-Strategi yang digunakan untuk Berjaya dalam Perniagaan	106
5.2.4	Bantuan Kerajaan	107
5.3	Kesimpulan	108
5.4	Cadangan	110
5.4.1	Sikap Masyarakat Orang Asli	111
5.4.2	Peranan Kerajaan	111
5.5	Kajian Masa Depan	113
5.6	Penutup	114

RUJUKAN

115

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Penempatan Kaum Negrito, Senoi, Melayu Proto	24
2.2	Pekerjaan Kaum Semai, Negrito dan Melayu Proto	25
2.3	Bilangan Orang Asli Berpotensi dalam Bidang Pekerjaan di Malaysia	28
2.4	Dasar Pembangunan Masyarakat Orang asli	44
3.1	Ringkasan Rekabentuk Kajian	59
4.1	Profil Responden	80
4.2	Kesan Bantuan	83

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	7
2.1	Kumpulan Kaum Utama dan Rumpun Bangsa	16
3.1	Carta Aliran Proses Kajian	59
3.2	Lokasi Kampung Gedung Batu dan Kampung Tumbuh Hangat	60
4.1	Jenis-Jenis Perniagaan	80

SENARAI SINGKATAN

FELCRA	-	Federal Land Coordination and Rehabilitation Authority
FELDA	-	Federal Land Development Authority
IKS	-	Industri Kecil dan Sederhana
JOA	-	Jabatan Orang Asli
JAKOA	-	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	-	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PSK	-	Penyusunan Semula Kampung
RISDA	-	Rubber Industry Smallholders Development Authorities
RKB	-	Rancangan Kampung Baru
RMK7	-	Rancangan Malaysia Ke-7
RMK8	-	Rancangan Malaysia Ke-8
RPS	-	Rancangan Pengumpulan Semula
SPKR	-	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SSM	-	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TEKUN	-	Tabung Ekonomi Usahawan Niaga

SENARAI LAMPIRAN**Muka Surat**

A	Soalan yang Disahkan Oleh Pakar	125
B	Soalan Temu Bual Kajian	126
C	Contoh Transkrip Temu Bual	127
D	Kebenaran JAKOA untuk Menjalankan Kajian	134
E	Kebenaran daripada Responden	136
F	Gambar Kawasan Kajian	146

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Malaysia sudah mula menceburi dalam bidang perniagaan. Pada masa kini, bidang ini bukan lagi menjadi suatu bidang yang baru bagi masyarakat Malaysia.

Begini juga bagi Orang Asli. Menurut laporan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sebanyak 1, 059, 698 syarikat tempatan dan perniagaan tempatan telah berdaftar di pejabat pendaftaran perniagaan sehingga 31 Disember 2013. Masyarakat Orang Asli juga termasuk dalam jumlah pendaftaran ini. Kebanyakan agensi kerajaan memberi bantuan kepada peniaga Orang Asli untuk meningkatkan tahap perniagaan mereka.

Jabatan Sumber Manusia mengambil inisiatif untuk membina 10 gerai yang dikenali sebagai Gerai Ekonomi untuk masyarakat Orang Asli yang berada di Daerah Kluang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Johor. Ianya untuk bermula dan mempromosikan produk pengeluaran masyarakat
Orang Asli. Sejumlah RM100, 000 telah diperuntukkan untuk membina gerai
berkenaan bertujuan menarik penyertaan masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut
untuk bermula sekali dengan meningkatkan pendapatan ekonomi mereka. Pembinaan
gerai tersebut merupakan satu perancangan dalam Program Azam Niaga Satu
Malaysia khusus untuk masyarakat Orang Asli. Gerai ini dibina untuk menjual hasil
produk pengeluaran masyarakat Orang Asli (Sinar Harian, 6 Januari 2014). Perkara
ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli melibatkan diri dalam aktiviti
perniagaan.

1.2 Latar Belakang Orang Asli

Secara umumnya kehidupan masyarakat Orang Asli berkait rapat dengan hutan kerana mereka tinggal di kawasan pedalaman. Aktiviti harian mereka ialah memburu binatang dan menangkap ikan. Mereka juga memungut hasil hutan seperti madu dan sebagainya (JAKOA, 2009). Kegiatan memburu binatang dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Orang Asli menggunakan pelbagai peralatan tradisional untuk memburu dan menangkap ikan. Kebanyakan daripada mereka menggunakan buluh sumpitan dan lembing yang diperbuat daripada buluh berbisa iaitu buluh teming. Orang Asli menggunakan bubu, pancing, jala, akar tuba dan merian. Bagi menambah hasil pendapatan, Orang Asli turut keluar secara berkumpulan untuk mengambil buah tampoi, bangkong, durian, petai, temponek dan lain-lain. Mereka memungut buah-buah hutan semasa musim buah-buahan iaitu setahun sekali. Pertanian juga menjadi penyumbang utama ekonomi Orang Asli. Mereka berusaha untuk menanam padi,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS sekoi, jagung, ubi keledek, ubi kayu, labu, pisang, tebu. Mereka juga menanam sayuran seperti bayam, petola, terung, kacang dan maman. Walaupun mereka mengusahakan banyak tanaman, hasil tanaman mereka tidak dijual. Sebaliknya, mereka makan dan membahagikan sama rata sesama sendiri. Menjual buluh, damar dan rotan merupakan ekonomi sampingan masyarakat Orang Asli. Mereka menggunakan wang yang dapat daripada hasil jualan untuk membeli barang keperluan seperti parang, garam dan pakaian. Tetapi kegiatan menjual hasil hutan ini tidak kerap dilakukan. Mereka terpaksa bergantung kepada permintaan individu (JAKOA, 2009).

Pada tahun 1977, penubuhan koperasi menimbulkan semangat kesedaran di dalam kalangan Orang Asli agar menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan kegiatan koperasi. Dengan penubuhan koperasi, masyarakat Orang Asli mula menceburi dalam kegiatan-kegiatan seperti perusahaan kayu-kayan, pengeluaran rotan dan hasil hutan yang lain, perniagaan, perusahaan kecilan dan kraftangan. Program Bantuan Bimbingan Usahawan (PBBU) membantu Orang Asli yang ingin berjaya dalam bidang perniagaan untuk memulakan hasrat mereka. PBBU memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan membeli peralatan-peralatan yang diperlukan. Pada masa kini, Orang Asli telah berjaya dalam bidang perniagaan seperti kedai jahitan, kedai makanan, kedai runcit, kedai kraftangan, bengkel membaiki kenderaan dan pusat komputer (JAKOA, 2009). Pihak JAKOA sentiasa memantau prestasi Orang Asli dalam sektor perniagaan dari masa ke semasa. Di samping itu, JAKOA juga memberi kursus-kursus untuk membimbing dan memberi semangat agar mereka lebih bermaju.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah banyak membantu bagi masyarakat Orang Asli. JAKOA telah diiktiraf oleh kerajaan selepas Tanah Melayu berjaya memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957. Jabatan ini dibentukkan khas bagi memajukan masyarakat Orang Asli. JAKOA juga memberi bantuan serta membuka bengkel jahitan, bengkel motorsikal, kedai runcit, kolam ikan dan sebagainya. Selain daripada JAKOA, KEMAS (Jabatan Kemajuan Masyarakat) juga menghulurkan bantuan dengan membina Tabika KEMAS di perkampungan Orang Asli untuk melahirkan sesuatu masyarakat yang berpendidikan. KEMAS juga menyediakan peralatan keperluan seperti meja, kerusi, almari, papan hitam, buku yang diperlukan dan sebagainya.

Program-program pembangunan sentiasa dijalankan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Antara program yang dijalankan untuk menukar cara kehidupan mereka ialah Rancangan Pengumpulan semula (RPS), Penyusunan Semula Kampung (PSK), Rancangan Kampung Baru (RKB), Projek Bencana Alam dan Ukur Keliling Tanah Penempatan Orang Asli. Program-program tersebut dijalankan untuk memindahkan tempat kediaman masyarakat Orang Asli kerana kerajaan percaya pertukaran tempat akan meningkatkan tahap kehidupan mereka dan mereka akan berjaya di tempat baru dengan memilih pekerjaan sendiri seperti masyarakat lain. Federal Land Development Authority (FELDA) dan Federal Land Coordination and Rehabilitation Authority (FELCRA) juga memberi tanah untuk bercucuk tanam. Mereka berharap masyarakat Orang Asli akan berjaya bercucuk tanam dan memajukan diri dengan hasil pendapatan

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh peniaga Orang Asli yang menjalankan perniagaan di kampung sendiri. Pada awal perniagaan, setiap peniaga mesti menghadapi pelbagai cabaran dalam perniagaan mereka. Mereka menggunakan pelbagai strategi perniagaan untuk menangani masalah yang dihadapi. Kebanyakan mereka masih menghadapi pelbagai masalah seperti kekurangan modal, keperluan asas yang tidak mencukupi, masalah pendidikan, pandangan yang rendah terhadap masyarakat Orang Asli dan sebagainya. Kerajaan telah menukuhkan JAKOA dan agensi kerajaan lain untuk meningkatkan tahap sosioekonomi mereka. JAKOA sentiasa mengambil langkah untuk membantu masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan tahap sosioekonomi serta memberi peruntukan untuk memulakan perniagaan. Namun begitu, tahap sosioekonomi Orang Asli masih di peringkat bawah dan taraf kemiskinan pada tahun 2014 di daerah Perak Tengah ialah 563 Orang Asli iaitu 85.95%. Kadar kemiskinan tegar ialah seramai 92 Orang Asli iaitu 14.04%. JAKOA telah memulakan bengkel-bengkel perniagaan seperti bengkel jahitan, bengkel vokasional, kursus kira untung rugi dan sebagainya. Namun penyertaan Orang Asli dalam bengkel-bengkel ialah amat kurang. Pada tahun 2014, kadar Orang Asli yang memulakan perniagaan di daerah yang dikaji ialah seramai 17 Orang peniaga Asli iaitu 0.65% (Haslin, JAKOA Perak Tengah, 2014).

Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat dengan lebih terperinci tentang cabaran yang dihadapi oleh peniaga Orang Asli serta strategi perniagaan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
juga dijalankan untuk mengenalpasti jenis-jenis bantuan kerajaan terhadap masyarakat
Orang Asli serta kesan bantuan kerajaan terhadap aktiviti perniagaan.

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian telah dirangka bagi kajian yang dijalankan. Objektif yang telah difokuskan adalah:

- i. Mengenalpasti cabaran masyarakat Orang Asli dalam perniagaan yang telah dijalankan.
- ii. Mengenalpasti jenis-jenis bantuan kerajaan dan kesan bantuan kerajaan terhadap perniagaan Orang Asli.
- iii. Mengenalpasti strategi kejayaan dalam perniagaan yang dijalankan oleh Orang Asli.


1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah cabaran masyarakat Orang Asli dalam perniagaan yang telah dijalankan?
- ii. Apakah jenis-jenis bantuan kerajaan dan kesan bantuan kerajaan terhadap perniagaan Orang Asli?
- iii. Apakah strategi kejayaan dalam perniagaan yang dijalankan oleh Orang Asli?

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.6 Kerangka Konseptual

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori-teori perniagaan dari pendekatan ekonomi dan pendekatan sosiologi. Pendekatan ekonomi merujuk kepada usaha yang mendorong seseorang bagi melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Ia adalah seseorang individu perlu mencari peluang untuk meningkatkan tahap ekonomi daripada keuntungan mereka. Pendekatan sosiologi merujuk kepada keadaan persekitaran seseorang dan situasi sosial mereka.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Rajah kerangka konseptual ini menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang kajian dengan tiga aspek utama iaitu bantuan kerajaan, cabaran yang dihadapi dalam perniagaan dan strategi perniagaan. Seterusnya, kesan kejayaan peniaga Orang Asli daripada aspek-aspek

ITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

utama dikalangan peniaga-peniaga Asli. Dengan kerangka konseptual ini, pengkaji boleh menjalankan kajian dengan mudah dan tidak lari dari fokus kajian yang dijalankan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dilihat melalui beberapa aspek yang mana hasil daripada kajian akan dapat meningkatkan lagi usaha Orang Asli dalam perniagaan serta mengubah pandangan masyarakat umum yang rendah terhadap masyarakat Orang Asli. Hasil kajian ini juga boleh menjadi sebagai sumbangan kepada masyarakat Orang Asli supaya mereka berani menceburi dalam perniagaan dengan mengenali perniaga-peniaga Orang Asli yang lain. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sumber ilmu dan bahan rujukan umum mengenai peniaga Orang Asli.

Daripada hasil kajian ini, bantuan kepada masyarakat Orang Asli bagi mengatasi masalah yang dihadapi dapat ditingkatkan. Jenis-jenis bantuan kerajaan dan kesannya untuk meningkatkan kadar pendapatan mereka. Kajian ini juga membantu untuk mengubah corak kehidupan masyarakat Orang Asli dan cara mengatasi masalah yang dihadapinya dengan peniaga yang dikaji. Bagi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan badan kerajaan yang berkaitan, hasil daripada kajian ini memberi maklumat serta mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh peniaga Orang Asli dan bantuan tambahan yang diperlukan untuk mengembangkan perniagaan peniaga Asli yang sedia ada.

1.8 Batasan Kajian

Menurut kata Mohd Fauzi dan Nor Aini, (2009), kajian terhadap masyarakat Orang Asli bukan satu kajian yang mudah dilakukan. Masyarakat Orang Asli ialah masyarakat yang kurang maju berbanding dengan masyarakat yang lain. Walaupun kebanyakan mereka sudah mula menceburi dalam perniagaan, masih segelintir daripada mereka mempunyai sifat malu, perasaan merendah diri dan mereka kurang bergaul mesra dengan masyarakat lain. Keadaan ini menjadi halangan kepada penyelidik semasa membuat pemerhatian dan menemubual dengan responden peniaga Asli.

Kawasan penempatan Orang Asli yang jauh dari bandar. Perkampungan mereka biasanya terletak di kawasan pedalaman. Bagi kawasan pedalaman, tidak mempunyai kenderaan awam untuk masuk kedalam kampung mereka dan kebanyakan Orang Asli sudah memiliki kenderaan sendiri.

1.9 Definisi Operasi

Definisi operasi adalah petunjuk bagi prosedur mengumpul dan menganalisis data melalui pengukuran konsep-konsep yang dinyatakan (Chua, 2006). Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah memberikan maksud yang mendalam dalam konteks kajian.

Berikut adalah definisi operasi bagi beberapa perkataan penting.

1.9.1 Sosioekonomi

Ekonomi merujuk kepada ilmu tentang pengeluaran dan penggunaan barang atau perkhidmatan. Ekonomi juga merujuk kepada tahap kekayaan sesebuah Negara dan seorang individu. Sosioekonomi menjelaskan bahawa taraf hidup masyarakat Orang Asli. Dalam kajian ini, masyarakat Orang Asli tidak seperti dahulu, sebaliknya mereka sudah mula tinggal di rumah yang mempunyai kemudahan asas seperti rumah batu, ruang tetamu, bilik tidur dan bilik mandi. Selain itu, masyarakat Orang Asli juga menggunakan kereta, televisyen dan Astro. Di perkampungan mereka juga mempunyai bekalan elektrik dan air.

1.9.2 Orang Asli

Orang Asli merujuk kepada mana-mana orang yang bapanya ialah ahli daripada kaum Orang Asli, bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup dan adat dan kepercayaan Orang Asli (Noraida dan Noor Ashikin, 2010).

1.9.3 Perniagaan

Individu yang menjalankan aktiviti jual beli sahaja. Matlamat perniagaan ialah untuk mendapatkan untung daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan. Peniaga memenuhi keperluan pelanggan setempat sahaja.